

MICCI harap Bajet 2017 kurangkan duti import kereta hibrid

Pengurangan duti import sebanyak lima hingga 10 peratus dan cukai berkaitan untuk menggalakkan penggunaan kereta hibrid serta mengurangkan cukai korporat secara beransur-ansur adalah harapan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia (MICCI) bagi Bajet 2017.

Presidennya, Datuk Jalilah Baba berkata, kajian Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air mendedahkan pengangkutan menyumbang 70 peratus daripada pencemaran di negara ini.

“Kami mahu menggalakkan penggunaan kereta elektrik secara meluas di jalan raya, tetapi apa yang menghalang pengguna adalah duti import yang tinggi, duti eksais dan permit import (AP),” katanya di luar acara Labuan IBFC-MICCI Malaysian Roadshow 2016 di sini, semalam.

Beliau berkata, kereta



JALILAH

elektrik buatan Amerika Tesla dijual pada AS\$70,000 di Amerika Syarikat, tetapi di Malaysia, kereta itu pada RM500,000.

Menurut laporan, kadar duti import bagi kereta Tesla di Malaysia adalah 30 peratus serta bayaran eksais 65 peratus manakala Cukai Barang dan Perkhidmatan enam peratus. Bagi menggalakkan penggunaan kenderaan elektrik atau hibrid, kerajaan perlu mempertimbangkan mengurangkan duti import dan cukai lain berkaitan.